



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

NBIOSHOWCASE 2024 MENAMPILKAN INOVASI BIOTEKNOLOGI MALAYSIA MENUJU PASARAN GLOBAL DENGAN KERJASAMA QUINTUPLE HELIX

KUALA LUMPUR, 18 JULAI 2024 – YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menggesa syarikat-syarikat bioteknologi dan berasaskan bio di Malaysia untuk bekerjasama melalui pendekatan *quintuple helix* bagi memastikan negara kekal kompetitif di peringkat global sambil meningkatkan kapasiti teknologi tempatan. Pendekatan itu yang melibatkan kerjasama erat antara pihak kerajaan, industri, akademik dan masyarakat sivil dengan mengutamakan penjagaan alam sekitar, dapat memacu pertumbuhan ekonomi berasaskan industri bioteknologi di negara ini, seterusnya menempatkan Malaysia dalam kalangan 30 ekonomi teratas dalam Indeks Inovasi Global (GII) menjelang tahun 2025. Beliau berkata demikian semasa merasmikan majlis pertukaran dokumen dan pelancaran produk oleh syarikat-syarikat berstatus BioNexus dan Bio-based Accelerator (BBA) di National Bioeconomy Showcase 2024 (NBIOSHOWCASE 2024) di World Trade Centre Kuala Lumpur hari ini.

“Melihat kepada kerjasama yang dijalin pelbagai pihak serta produk-produk inovatif yang dilancarkan pada majlis ini, saya yakin kita berada di landasan yang tepat untuk mencapai matlamat Dasar Bioteknologi Negara 2.0, iaitu membangunkan 30% syarikat berstatus BioNexus di peringkat global dan 70% lagi di peringkat tempatan. Sehingga kini, 16 syarikat bioteknologi telah disenaraikan di bursa saham Malaysia, Taiwan, Nasdaq, Hong Kong, dan Australia. Melalui sokongan padu dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama agensinya, Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation), usaha-usaha akan diperhebatkan lagi untuk menjayakan kerjasama *quintuple helix* di kalangan penggiat industri bioteknologi seterusnya membantu lebih banyak syarikat bioteknologi mencapai kejayaan di peringkat tempatan dan antarabangsa,” tambah beliau.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Bioeconomy Corporation, Encik Mohd Khairul Fidzal Abdul Razak, antara Januari hingga Mei 2024, syarikat-syarikat yang diluluskan di bawah program BBA, berstatus BioNexus dan syarikat berimpak tinggi telah menjana jumlah pendapatan bernilai RM1.5 bilion. “Ini membuktikan kemampuan tinggi syarikat bioteknologi Malaysia dalam merealisasikan pembangunan ekonomi melalui pasaran tempatan dan global. Melalui sokongan MOSTI, Bioeconomy Corporation akan terus mengambil pendekatan yang proaktif untuk membantu lebih banyak syarikat bioteknologi menembusi pasaran yang lebih luas dan mencapai matlamat sumbangan pendapatan sebanyak RM2 bilion kepada KDNK negara menjelang akhir tahun 2024,” tambah beliau.

Dalam majlis tersebut bersempena NBiOSHOWCASE 2024, YB Tuan Chang Lih Kang telah menyaksikan pertukaran lima dokumen kerjasama antara penggiat-penggiat industri bioteknologi. Lima kerjasama strategik ini meliputi pembuatan baja bio pertama dengan penekanan kepada pengiraan karbon dan amalan kelestarian oleh IBG Manufacturing dan Xiamen University Malaysia, pembinaan hab kosmetik dan farmaseutikal serta kemudahan penyelidikan dan pembuatan GMP oleh ATL Cosmetics dan UM Pharmauji, pelaksanaan projek kitar semula dan pengelakan karbon oleh Bioloop dan 99 Speedmart, pembangunan penjagaan kesihatan oleh Bioeconomy Corporation dan MedKad serta pelancaran Program Dana Pengkomersialan Bioteknologi (BCF) baharu oleh Bioeconomy Corporation dan Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF).

YB Menteri turut menyaksikan pelancaran lima jenis produk oleh syarikat-syarikat berstatus BioNexus dan BBA, iaitu produk baja bio dari hasil sampingan pembuatan pulpa oleh Nextgreen Global Berhad, jus kelapa isotonik prebiotik dan probiotik oleh Culvita, minuman bijirin dengan ubi keledak ungu dan beri biru serta serbuk kering beku kacang soya fermentasi oleh GoodMorning Global dan tablet yang mengandungi ekstrak tiga jenis cendawan perubatan oleh Ganofarm. Nilai jualan yang disasarkan untuk kelima-lima produk ini adalah hampir RM400 juta dalam tempoh 3 tahun akan datang.

-TAMAT-

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
18 JULAI 2024

Mengenai Bioeconomy Corporation

Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd (Bioeconomy Corporation) merupakan agensi pembangunan ekonomi utama bagi industri bioteknologi dan berasaskan bio di Malaysia. Ditubuhkan pada tahun 2005, Bioeconomy Corporation berada di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan merupakan syarikat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.

Bioeconomy Corporation memberi sokongan, kemudahan dan khidmat nasihat dalam bidang perniagaan, pelaburan, R&D, pembangunan modal insan, infrastruktur kewangan, rangka kerja undang-undang dan pengawalseliaan, pembangunan strategik, dan sokongan kerajaan. Melalui perkhidmatan ini, Bioeconomy Corporation membangunkan komuniti perniagaan, akademik, dan saintifik yang memacu industri bioteknologi dan berasaskan bio di Malaysia.

Melalui Bioeconomy Corporation, Kerajaan menganugerahkan Status BioNexus kepada syarikat antarabangsa dan Malaysia terpilih yang menjalankan aktiviti bioteknologi, berasaskan bio atau sains hayat. Dengan status ini, syarikat BioNexus menerima insentif fiskal, fasilitasi dan jaminan lain yang diuruskan oleh Bioeconomy Corporation bagi membantu pembangunan syarikat.

Bioeconomy Corporation juga menawarkan program Bio-based Accelerator (BBA) yang membantu syarikat-syarikat pemula, perniagaan mikro dan syarikat besar dalam sektor berasaskan bio untuk menerapkan sains, teknologi dan automasi dalam operasi perniagaan mereka, supaya mereka menjadi lebih inovatif dan celik teknologi. Program ini mengenal pasti jurang dalam kemahiran, penggunaan teknologi, kewangan, kawal selia dan kebolehpasaran produk.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.bioeconomycorporation.my.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Bioeconomy Corporation

Nur Akmar Yusoff
Eksekutif,
Komunikasi Strategik
Malaysian Bioeconomy Development Corporation
Tel: +6012 690 6108
Emel: akmar.yusoff@bioeconomycorporation.my